

## Kempen Kesedaran 2015 dedah bahaya dadah, kegiatan kongsi gelap dan hukuman sebatan

September 8, 2015, Tuesday



DEMONSTRASI: Pelajar melihat demonstrasi Unit Anjing K-9 Daerah Miri.

MIRI: APAC Energy Services Sdn Bhd, Technotrend Sdn Bhd, Technip Consultant (M) Sdn Bhd, Petrofac Services Sdn Bhd dan Kolej Vokasional Miri mengadakan Kempen Kesedaran 2015 mengenai bahaya dadah, kegiatan kongsi gelap serta hukuman sebatan.

Jurucakap penganjur, Platini Julius berkata ini merupakan salah satu program di bawah kempen tanggungjawab sosial korporat dengan kerjasama APAC Energy Services Sdn Bhd, Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Miri, Ibu Tunggal dan Anak-anak Yatim Piasau, Biro Kebajikan Masjid Darul Ehsan, Piasau dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Permaisuri dan Kolej Vokasional.

“Tujuan ceramah bagi mengelakan generasi muda terjebak dengan dadah, gangsterisme dan pengetahuan am mengenai hukuman dikenakan terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan,” katanya.

Sementara itu, seramai 239 pelajar daripada Kolej Vokasional Miri dan 13 lagi daripada SMK Dato Permaisuri menghadiri ceramah bermula jam 2 petang pada 28 Ogos lalu.

Antara penceramah diundang ialah DSP Mohd Said Ambotang, Inspektor Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Bahagian Miri Sub Inspektor (SI) Musa Yahya, Bahagian Jabatan Siasatan Jenayah Daerah Miri, wakil Unit Anjing K-9 Daerah Miri Abdul Radzi Adenan, Ketua Inspektor Penjara, Penjara Pusat Miri.

Ceramah meliputi ‘Bahaya Penggunaan Dadah’ oleh Bahagian Siasatan Narkotik Daerah Miri, ‘Kesan Negatif Keanggotaan Kongsi Gelap’ oleh Bahagian Siasatan Pencegah Jenayah dan Keselamatan Komuniti. ‘Kesan Negatif Keanggotaan Kongsi Gelap, Hukuman Sebatan’ oleh wakil Jabatan Penjara Malaysia dan demonstrasi anjing K-9.